



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2017 THE MALL, GADONG

**28 Sya'ban 1438 bersamaan dengan 25 Mei 2017**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), pada hari ini, Khamis, 28 Sya'ban 1438 bersamaan dengan 25 Mei 2017 telah mengadakan Majlis Hari Menabung Kebangsaan 2017 dan *Financial Showcase* di The Mall, Gadong.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud, Pemangku Menteri Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri, selaku Ahli Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir pada majlis tersebut ialah ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD; Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar Negara-Negara Sahabat ke Negara Brunei Darussalam; ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha - Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan; dan Ketua-Ketua Eksekutif Institusi-Institusi Kewangan di Negara Brunei Darussalam.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Yang Mulia Hj Azrol Alim Hj Zaini, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
4. Seterusnya, Yang Mulia Awang Yusof bin Hj Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD, menyampaikan ucapan alu-aluan, dan diikuti dengan ucapan daripada Tetamu Kehormat, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud, yang juga telah merasmikan penubuhan *Brunei Capital Market Association* (BCMA).
5. Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud juga turut menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Promo Radio, yang telah dibukakan kepada penuntut-penuntut sekolah menengah Kerajaan dan swasta, dan Pertandingan Promo Video, yang telah dibukakan kepada orang ramai, sempena Hari Menabung Kebangsaan 2017.
6. Yang Mulia Dato seterusnya melawat *Financial Showcase*, iaitu pameran yang mengetengahkan produk dan perkhidmatan pengurusan kewangan. Antara institusi- institusi kewangan yang turut mempamerkan produk dan perkhidmatan masing-masing adalah AMBD, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Baiduri Bank Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Standard Chartered Bank, AIA Co Ltd, Great Eastern Life Assurance dan Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd (TBK).

7. Sempena Hari Menabung Kebangsaan 2017 ini, AMBD dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Perkerja (TAP) serta institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi berkenaan telah mengadakan beberapa jerayawara di keempat-empat daerah dan juga mengadakan *Financial Fun Fair* di Jerudong Park Colonnade.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 28 Sya'ban 1438/25 Mei 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3